

Cerpen

Kucing-kucingan

Suratman Markasan

Ketika pertama kali George Mehbood sebagai pemberita *The Morning Star* (TMS) melaporkan berita kematian beberapa ekor kucing di dataran tinggi di sebuah daerah kediaman mewah di Negara South Banjeman (SB), dia merupakan pemberita biasa yang belum terkenal seperti pemberita atau wartawan ulung dari suratkhbar terkenal *World Sympathy Journal* (WSJ); Brain yang melaporkan bahawa wang sebanyak 2.6 billion masuk ke dalam bank akaun peribadi Ketua Pegawai Nombor Wahid di Negara Durian Rendang. Dua hari selepas itu ketika George Mehbood memberitakan tentang 19 ekor kucing yang mati naik menjadi 25 ekor dengan sebab-sebab kematian yang baru; iaitu dua ekor mati secara alami, empat ekor mati dirembat kakinya dan tubuh-tubuhnya luka-luka. Bagaimanapun menurut pihak Pengarah Jabatan Pengendalian Haiwan (PJPH) Mr Green Jeo Meng masih ada 19 ekor kucing lagi yang mati tidak dapat ditentukan sebab-sebab kematiannya. Sekaligus nama wartawan George Mehbood naik menjadi popular di belakang wartawan Brain dari WSJ. Pada pagi hari ketika kira-kira tiga perempat anak negara South Banjeman yang rajin membaca TMS atau koran-koran berbahasa kedua; bahawa berita yang paling utama menjadi pilihan mereka ialah berita tentang kematian kucing di negaranya dan tajuk pilihan keduanya adalah mengenai skandal wang oleh Ketua Pegawai Nombor Wahid di Negara Durian Rendang.

Dalam Sidang Akhbar yang dibuat oleh PJPH Mr Green Jeo Meng, iaitu pada tanggal 23 Januari 2016, ketika ditanya oleh berbagai-bagai wartawan mengenai apakah di antara tanda-tanda luka yang terdapat di badan-badan kucing yang mati. Mr Green Joe Meng menyatakan bahawa luka-luka itu bukan disebabkan oleh alatan tajam seperti pisau dan bukan pula alatan tumpul seperti kayu atau besi, tetapi lebih merupakan seperti gigitan binatang. Ketika dipersoalkan lebih lanjut oleh para wartawan, apakah kemungkinan sebab-musabab kematian kucing-kucing itu, Mr Green Joe Meng menyatakan bahawa doktor haiwan di bawah departmennya sedang membuat siasatan lanjut mengenai perkara tersebut.

Banyak pendapat dan spekulasi yang telah dibuat oleh individu di dalam dunia alam maya; facebook, messenger, twitter, whatsapp dan lain-lain. Ada yang mengatakan bahawa kucing-kucing yang mati itu akibat pergaduhan antara kucing dengan kucing. Kerana luka-luka di badan tiap kucing yang mati itu seperti digigit oleh gigi binatang yang kuat. Ada pendapat dan andaian yang lebih berat, apabila ada yang mengatakan bahawa jika akibat digigit oleh kucing, maka pastilah telah berlaku perang antara satu kumpulan kucing dengan satu kumpulan kucing yang lain. Ada pula yang menambah dengan mengatakan, itulah tanda bagi kelakuan manusia zaman edan ini; yang suka berbunuh-bunuhan kecil seperti meletupkan bom jangka di tempat-tempat umum yang mengakibatkan puluhan orang terkorban. Berbunuh-bunuhan besar seperti perang yang terjadi di Timur Tengah yang menyebabkan ribuan nyawa manusia awam tumpas dan banyak pula manusia secara tiba-tiba menjadi pelarian menyabung nyawa mencari tempat perlindungan.

Sehari selepas itu, wartawan George Mahbood telah menulis sebuah berita panjang yang lengkap eksklusif di akhbar TMS. Peperangan antara kucing dengan kucing yang diselidikinya daripada beberapa sudut, lebih berkemungkinan bahawa kucing-kucing yang

didapati mati akibat seperti gigitan kucing atau binatang lain itu, sebenarnya yang menjadi persoalannya. George Mahbood membuat ramalannya, bahawa kucing-kucing yang mati itu adalah kucing-kucing biasa iaitu kucing-kucing domestik yang biasa berkeliaran di mana-mana, tetapi bukan kucing peliharaan orang berada seperti kucing Persia, bukan pula kucing Siam atau kucing eksotik.

Kemudian George Mehbood menyatakan menurut penyelidikannya ada dua kemungkinan. Pertama jika terjadi peperangan antara dua bangsa kucing, tentu sekali antara 19 ekor kucing yang mati itu, pasti ada dua fenomenanya yang jelas. Tentu dari dua jenis kucing yang berlainan bangsa atau asal keturunannya, sedangkan semua yang mati itu adalah kucing domestik. Yang kedua menurutnya, berkemungkinan ada satu hal yang Mr Green Joe Meng dari PJPH tidak tahu atau belum mahu menyatakan bahawa sebenarnya ada sejenis kucing jadian yang membunuh kucing-kucing yang mati itu. Kerana kucing-kucing yang mati itu sama bekas-bekasnya seperti digigit oleh sejenis binatang yang kuat dan gagah. Di negara seperti South Benjamen yang jauh dari hutan belantara, tentu sekali tidak akan mungkin ada sejenis bintang besar seperti harimau akar atau harimau kumbang yang membunuh 19 ekor kucing yang dikatakan digigit oleh haiwan yang besar dan kuat. Wartawan George Mehbood dari akhbar TMS, menyatakan bahawa binatang yang menggigit dan membunuh 19 ekor kucing domestik itu adalah kucing yang luar biasa iaitu berkemungkinan besar kucing jadi-jadian atau kucing-kucingan.

Kucing jadi-jadian menurut George Mehbood bukan cerita dongeng seperti harimau atau macan jadian yang sering dikaitkan dengan dongeng yang sering berlaku di Indonesia. Masih ada rakyat di sana yang mempunyai ilmu kebatinannya yang boleh menukar dirinya menjadi harimau atau macan. Akan tetapi menurut wartawan George Mehbood, perkara itu juga tidak mungkin kucing jadian daripada makhluk manusia, kerana ilmu semacam itu tidak wujud di sini, di negara teknologi modern yang sedang berkembang di dunia sekarang. Yang jelas boleh berlaku, menurut wartawan George Mehbood, adalah kucingan atau robot yang benar-benar seperti kucing asli yang direka oleh ahli sains yang sangat pinta. Robot kucingan itu tangkas tidak jimbam seperti robot-robot biasa sebagai pembantu di makmal-makmal sains atau di industri automatik atau di restoran yang eksotik.

Menurut teori selidikan wartawan George Mehbood yang sudah mula terkenal seperti wartawan Brian dari WSJ, bahawa ada banyak pendapat dari ahli-ahli sains zaman berkembangnya teknologi nano yang bimbang dengan meluasnya robot-robot yang mengganti tenaga manusia. Itu menurut Prof Moshe Vardi, Pengarah Institute for Information Technology dari Rice University di Texas, jelas wartawan George Mehbood dari akhbar TMS dari Negara South Benjamen.

“Saya fikir dan percaya bahawa masyarakat sekarang harus bertanggungjawab dan harus berani menghadapinya. Jika mesin atau robot sudah boleh melakukan apapun kerja yang dilakukan oleh manusia, apakah akhirnya yang akan dilakukan oleh manusia?” Demikian pertanyaan Prof Moshe Vardi di satu penal perbincangan mengenai kemahiran atau kepintaran palsu atau tiruan di *American Association for the Advancement of Science* baru-baru ini.

Wartawan George Mehbood menerangkan lebih lanjut dalam berita campur rencananya, bahawa saintis Prof Moshe Vardi menyatakan kita memerlukan tenaga manusia pada masa hadapan, tetapi bukan dengan penciptaan mesin atau robot yang boleh menggantikan tugas manusia. Dengan itu, katanya jika kita sebagai ahli sains tidak berhati-hati mencipta robot-robot masa depan, maka selanjutnya kata Prof Moshe Vardi, semua profesi,

bagi kita manusia lelaki dan perempuan akan terkesan akhirnya, kerana diambil alih tugas oleh mesin atau robot.

“Bolehkah ekonomi global menerima dan menyelesaikan masalah 45% manusia di Amerika yang tidak mempunyai pekerjaan dengan adanya mesin atau robot ini mengambil alih tugas manusia akan menyelesaikan masalah tersebut atau?...” Sambung pertanyaan Prof Moshe Vardi yang sangat perihatin terhadap penciptaan robot atau mesin yang canggih-canggih itu.

Oleh itu menurut teori wartawan George Mehbood, bahawa masalah banyak kucing mati di negara kita baru-baru ini berkemungkinan adalah bersebabkan ‘kucing-kucingan’. Ahli sains yang pintar dari mana-mana negara berkemungkinan boleh atau telah mengirimkannya ke negara kita South Benjamin ini. ‘Kucing-kucingan’ itu berkemungkinan sebagai satu percubaan awal dari negara luar; sama seperti bagaimana Negara Korea Utara akhir-akhir ini, sering melancarkan roket ujiannya untuk mendapatkan kesan-balas daripada ujian-ujian tersebut. Ada kemungkinan pula Negara kita South Banjeman sendiri sedang menjalankan ujian robot atau mesin ‘kekucingan’ itu untuk membuat ujian mencari rahsia manusia individu tertentu. Kerana mesin atau robot ini boleh menyeludup ke mana-manapun juga tanpa disedari tanpa dikesani oleh sesiapaupun, kecuali dengan izin oleh Allah SW, jelas wartawan George Mehbood selanjutnya. Dalam pada itu pula, George Mehbood tidak menolak langsung akan adanya usaha dari negara luar yang sedang mencari rahsia di negara kita yang kita cintai ini. Selepas berita atau rencana itu tersiar di koran TMS dan pada hari berikutnya tersiar pula di koran-koran bahasa kedua heboh membicarakan hal yang sama. Demikian pula masyarakat negara membangun South Banjeman yang membaca, membahaskannya di mana-mana; di kedai kopi, di kantor-kantor pemerintah terutama ketika pegawai-pegawai rendah dan tinggi sedang santap makan tengahari. Tambahan pula berbagai-bagai saluran tv menyedutnya daripada tulisan wartawan George Mahbood dari koran TMS.

Oleh kerana itu masyarakat pembaca di Negara South Banjeman, ketika setiap pagi hari membuka lembaran akhbar TMS atau akhbar-akhbar bahasa keduanya, bukan sahaja mencari berita. Selanjutnya mencari mengenai gara-gara skandal wang dan pemimpin pembangkang lama dan baru yang bersatu untuk menolak Ketua Pegawai Nombor Wahid di Negara Durian Rendang.

Begitu pula bukan sahaja masyarakat di Negara South Banjemen, tetapi berita ‘kucing-kucingan’ telah menyeludup tersiar ke mana-mana, bukan sahaja menjadi berita yang paling hangat di sini akhir-akhir ini, bahkan sudah merebak ke seluruh dunia juga khabarnya.

Cerita mengenai ‘kucing-kucingan’ atau kucing jadian di alam maya di *facebook*, *mesenger*, *twitter*, *whataspp*, penggunaanya heboh memperkatakannya. Antaranya, ‘Pokka’ di dalam *facebooknya*, menulis sesiapa yang menyimpan rahsia mengenai apa sahaja, sekarang ini ketakutan diceroboh oleh ‘kucing-kucingan’. Akan tetapi banyak perbahasan yang terdapat di alam maya. Antaranya penulis ‘Orang Jadian’ menyatakan bahawa di Negara Durian Rendang, manusia yang sangat takut tentang pencerobohan Kucing-kucingan itu ke tempat-tempat kediaman mereka, adalah Ketua Pegawai Negeri Nombor Wahid dan pegawai-pegawai yang sejalan dan simpati dengannya.

Ada pengguna yang memakai nama samaran ‘Alim Kucing’ di Negara Durian Rendang juga, memberi komentarnya. Kalaulah betul teori wartawan George Mehbood dari TMS, yang paling takut adalah mereka yang tidak kira siapa sahaja yang selalu bercakap bohong atau yang sering membuat fitnah terhadap orang lain, yakni musuh-musuh politiknya atau musuh-musuh koperat perusahaan atau musuh peribadinya. Dan termasuk yang takut adalah pengedar-

pengedar dadah dan juga penjenayah yang membunuh mangsanya dengan terang-terang dan kejam yang sangat menjadi-jadi sekarang di mana-mana.

Pengguna yang memakai nama 'Hantu Raya' pula, di *whatsapp*, memberikan komentarnya: 'Sebenarnya sesiapa pun tidak perlu takut. Kalaulah betul ada andaian 'kucing-kucingan' yang diandaikan oleh wartawan Geore Mehbood dari akhbar TMS dari Negara South Benjamin. Tetapi yang perlu ditakuti oleh manusia di manapun juga mereka berada, ialah Pencipta Yang Agung. Pencipta yang mencipta segala-galanya, termasuk yang mencipta manusia; sama ada pemimpin, ahli sains, para ulama, rakyat jembel dan termasuk segala 'kucing-kucingan' jadian yang diandaikan wartawan George Mehbood dari akhbar TMS. Allah Pencipta Yang Maha Mengetahui apa-apa yang tersembunyi atau apa-apa yang belum dilahirkan. Penulis yang memakai nama 'Khalifah' pula menyatakan di *facebook*, bahawa andaian 'kucing-kucingan' itu adalah satu misalan atau ibarat. Jika manusia percaya akan wujudnya Kuasa Besar Yang Maha Mengetahui yang tersebut dalam Al-Quran sejak 1400 tahun lebih itu, inilah contohnya, bahawa segala kejadian yang biasa terang-terang atau kejadian yang luar biasa yang ajaib itu adalah dalam Pengetahuan Tuhan Azawajallah.

Apabila ada penulis di *whatsapp* yang menggunakan nama 'Patriot' bertanya kepada wartawan George Mehbood, tentang bagaimana ada orang yang dituduh mencederakan kucing itu telah ditangkap pihak berkuasa Negara South Banjeman. Tidakkah terfikir oleh George Mehbood, bahawa sebenarnya orang itu adalah manusia yang dipercayai oleh pemerintah Negara South Banjeman, supaya menghapuskan 'kucing-kucingan' itu. Jadi dia cuba menghapuskan 'kucing-kucingan' itu, tetapi rupa-rupanya yang dihapuskannya itu adalah kucing-kucing domestik, tapi bukan 'kucing-kucingan'. Kerana antara kucing-kucing biasa dengan 'kucing-kucingan' tidak ada bezanya. George Mehbood menyatakan, jika andaian adanya 'kucing-kucingan' berkemungkinan pula teori 'Patriot' itu boleh dipakai juga, tapi memerlukan kajian yang cukup teliti sebelum sesiapaupun membuat andaian atau tuduhan begitu tanpa bukti yang sah.

Di sebuah pusat makanan berdekatan dengan sebuah masjid, ada empat orang semuanya memakai kopiah putih dengan jubah putih ala-orang-orang Arab. Masing-masing menarik kerusi untuk didudukinya.

"Hari ini saya bayar pak haji pak haji, jangan kluatir!" sebut Haji Amin yang berbadan besar dan tinggi, dengan senyum-senyum, sehingga kelihatan rongaknya kerana dua batang gigi hadapan baris bawahnya yang sudah tiada.

"Wah hari ini hari jadi abang hajikah?" tanya Haji Sabtu bertubuh sederhana yang duduk di sebelah kiri Haji Amin, dengan senyum melebar.

"Ehh! Tak usah sebut hari ini hari jadikah, atau hari istimewa. Abang Haji Amin kita ni, bukankah memang dia yang selalu bayar kita minum!" sebut Haji Minggu yang berbadan paling kecil antara pak haji berempat itu. Lalu bertanya lagi, "Abang Haji Amin, minum apa... teh tarik? Pak Haji Sabtu minum apa? Pak Haji Wahid minum apa?"

Abang Haji Amin mengangguk, sambil meminta dipesankan satu pinggan mee rebus. Haji Minggu yang sedang berdiri, sambil mengacung ke arah haji Sabtu, "Tak apalah saya pesan minuman dengan mee rebus satu dulu!" Sebut Haji Minggu, lalu ke gerai makan lengganan mereka di Cafe Ria, di pusat makanan di belakang masjid.

"Pak Haji Amin fikir apa ya tentang berita kucing yang banyak mati tu?" Tiba-tiba Haji Sabtu membuka bicara.

"Ha ah ya! Sibuk orang cerita pasal kucing berperang tu betul ke?" Sampuk Haji Wahid yang duduk di sebelah kanan Haji Amin, sebelum dijawab oleh Haji Amin.

“Cerita asalnya ‘kan bermula dengan orang-orang di daerah kediaman mewah yang prihatin terhadap kebajikan haiwan kucing. Mereka berjaga-jaga untuk mengintip siapakah yang mencederakan atau membunuh kucing-kucing sampai ada 19 ekor yang mati. Tapi....” sebut Haji Amin memandang ke arah Haji Sabtu dan Haji Wahid, untuk melihat reaksi teman-teman sejemaaah masjid dengannya.

“Lepas itu baru si wartawan atau pemberita George Mehbood itu memanjang-manjangkan ceritanya di suratkhbar TMS, dengan kajiannya kononnya ada ‘kucing-kucingan’, macam cerita macan atau harimau jadian di Indonesia dulu-dulu....”

Mamak meletakkan empat gelas teh tarik. Haji Amin membayarnya dan kemudian Haji Minggu meletakkan sepinggang mee rebus di depan Haji Amin dan sepinggang tahu goreng di depannya. Dari duit baki yang dibalikkan oleh mamak teh tarik diberikan kepada Haji Minggu untuk membayar pesanan mereka. Sebelum bergerak ke gerai Cafe Ria, Haji Minggu menawarkan kepada Haji Sabtu dan Wahid apa makanan yang diperlukan oleh mereka.

“Tolong mi rebus satu!” Sebut Haji Sabtu.

“Mi soto satu!” Sebut Haji Wahid.

Haji Minggu berlalu, yang tinggal menyeripit teh tarik masing-masing. Haji Amin melanjutkan ceritanya bahawa memang tidak ada harimau atau macan jadian di sini, tapi kalau ‘kucing-kucingan’ yang direka ahli sains itu dia tak tahu. Tapi katanya, cucu-cucunya yang sudah sekolah menengah yang masing-masing rajin dengan komputer dan telefon bimbit semuanya berkata perkara itu boleh terjadi. Zaman sekarang ni, zaman teknologi moden, sebut mereka lagi. Terhenti lagi cerita Haji Amin, apabila pesanan teman-temannya dibawakan oleh Haji Minggu.

Kumpulan haji-haji berjubah putih, berkopiah putih ala-Arab yang tak tahu sepatah bahasa Arab pun, sibuk menikmati juadah masing-masing. Haji Minggu baru duduk ikut menikmati tauhu gorengnya, wang lebihan dibalikkan kepada Haji Amin, dengan ucapan terima kasih sambil senyum-senyum.

“Tapi... tapi!” Sebut Haji Sabtu yang duduk di sebelah kiri Haji Amin. “Siapa si wartawan yang bernama George Mahbood tu, dari namanya ada campur nama Melayu atau Arab. Tapi pakai George ya, aneh sekali namanya. Orang apa sebenarnya dia. Tapi nampaknya dia tahu pasal agama juga.”

“Alaa budak-budak sekarang ni. Macam-macam nama yang direka-reka. Budak itu saya kenal dulu. Bapaknya, keluarganya berjiran dengan kami di daerah Potong Tanah. Budak itu kecil-kecil dipanggil Mahmud. Itu nama sebenarnya, tapi ditukar menjadi Mahbood!”

“Tapi kenapa ditambah dengan George pulak?” Tanya Haji Minggu menyampuk.

Abang Haji Amin tersenyum sinis, memandang Haji Minggu dan teman-temannya. Katanya nama George itu untuk senang dapat kerja saja. Akan tetapi selepas menghabiskan mi rebusnya dan selepas meneguk teh tariknya, Abang Haji Amin, berkata kalau kita baca dengan teliti cerita si wartawan Mahmud itu, sebenarnya ada maksud dalamannya yang kita perlu cari agaknya.

Haji Minggu mengangguk-angguk dan teman-temannya mengangguk juga. Tapi Haji Wahid yang duduk di kanan Haji Amin, menggaru-garu di tepi kopiah putihnya. “Apa agaknya ya yang menjadi fikiran si Mahbood atau si Mahmud itu?”

Di mana-mana pun sekarang ini, berita atau kisah tentang ‘Kucing-kucingan’ yang ditulis oleh wartawan Goerge Mahbood, di Negara South Benjamin itu baik dalam kalangan guru-guru, termasuk asatizah, penulis-penulis, buruh-buruh dan barangkali orang-orang agama dan orang-orang politik bahkan dalam kalangan wartawan itu sendiri dan profesi-profesi lain;

rentas apa pun bangsanya membicarakan fikiran di balik benak Goerge Mahbood. Semua akhbar tempatan menyiarkan semula di suratkhbar masing-masing yang mengambil dari sumber asalnya iaitu *The Morning Star*, soalnya kalaulah mereka punya kesempatan membacanya dan mahu berfikir mengenai kejadian yang aneh itu!

Esoknya di bilik *Editor in-Chief* yang luasnya kira-kira 12x20 kaki persegi, dikelilingi dengan rak buku dan buku-buku. Di sebuah kerusi besar eksekutif yang bisa diputar-putar, tercangkuk seorang jejaka bertubuh sederhana, memakai kemeja berwarna biru langit dengan dasi berwarna biru tua. Dari meja besar yang lapang di bawahnya, kelihatan dia memakai pantolon warna gelap dan kedua-dua belah pasang kakinya ditutup dengan kasut model XX berwarna hitam. Di atas mejanya ada tanda nama yang dibuat di Indonesia: Mr Van Koh Yam, *Editor in-Chief*.

“Tampaknya George, berita yang anda tulis tentang ‘Kekucingan’ itu mendapat sambutan ya! Dan hangat ya?” Sebut Mr Van Koh sambil mengacung ke arah George Mahbood yang duduk di kiri, di hadapannya. “Naskah jualan TMS melonjak naik secara tiba-tiba ya. Satu kenaikan keluaran yang biasa dan baik ya! Berapa persen naiknya Miss Marry Ong?”

Ketua Editor Berita yang sedang senyum-senyum yang duduk di sebelah kanan George Mahbood mengangguk-ngangguk.

“Tujuh persen tuan!” Sebut seponatan Miss Marry Ong.

Mr Van Koh Yam mengangguk-angguk sambil tersenyum sedikit. “Dari segi perniagaan memang baik sekali. Tapi kita kena tengok dari isi yang anda tulis George. Ada hal-hal yang boleh bikin polisi pemerintah terjejas, anda tau tak George? Pertama, anda ada sentuh tentang negara kita sedang diceroboh oleh musuh untuk mencari rahsia dengan robotik kucingan. Kedua, kemungkinan alat kekucing itu dibuat oleh negara kita sendiri untuk mencari rahsia orang-orang di sini. Anda membuat tulisan fiksiyen atau anda melapor berita tentang kucing-kucing yang dibunuh?” Sebut Van Koh, sambil pandangannya tepat-tepat ke dua biji mata George. Sekali sekala dia menjeling ke arah Miss Ong yang duduk di kanan George yang merupakan nona paling manis yang bertugas di Gedung TMS.

“Saya membuat laporan tentang sebab-sebab kucing-kucing dibunuh di sini tuan.”

“Tapi awak masukkan andaian-andaian dalam berita awak itu ‘kan? Dan andaian awak itu melibatkan sahsiah negara kita dan kedua negara jiran, awak tau tak? TMS boleh dituduh membuat tuduhan ke atas negara kita atau negara mana-mana pun. Ini besar akibatnya anda tau tak? Dan awak Miss Ong, draf yang ditulis oleh George itu awak baca tak?”

“Saya baca tuan dan telah saya buang mana-mana yang boleh menimbulkan kerosakan atau boleh menyinggung ke atas negara dan negara mana-mana pun tuan!” Sebutnya dengan senyum melenggok.

“Tapi awak tak buang kata-kata ‘Ada kemungkinan pula negara kita South Benjamin sendiri sedang menjalankan ujian robot atau mesin kekucingan’ Awak berdua faham tak? Ini perkara sensitif. Ini melibatkan keselamatan negara tau tak? Yang harus awak masukkan adalah perkara-perkara yang menaikkan prestasi negara kita! Bukan yang menjatuhkan. Awak tau tak?”

“Saya minta maaf Tuan Van Koh.” Sebut George Mahbood.

“Dan saya juga minta maaf Tuan Van Koh.” Sebut Miss Ong lembut sambil menjeling ke arah tuannya.

“Kalau tak ada surat daripada Pejabat PM dalam minggu ini awak berdua selamat. Kalau ada, awak berdua akan mendapat kesannya nanti. Hati-hati lain kali. Dan awak berdua bertanggung-jawab atas berita yang tersiar di TMS!”

George Mahbood dan Miss Ong bersalaman dengan Mr Van Koh dan kemudian kedua-dua keluar dari pejabat *Editor in-Chief* dengan dada lapang tetapi masih tertekan dan berdebar.

17 Oktober 2016

Biodata Penulis:

Suratman Markasan

Penulis merupakan penerima Anugerah S.E.A Write (1989) dan Anugerah Tun Seri Lanang (1999), Singapura. Kelahiran Pasir Panjang, Singapura pada 29 Disember 1930. Ijazah Sarjana Muda Sasteranya dalam bidang pengajian Melayu dan Indonesia (1971) dari Universiti Nanyang, Singapura. Pernah bertugas sebagai pensyarah bahasa dan sastera Melayu di Institut Pendidikan Nasional, Singapura. Novelnya *Tak Ada Jalan Keluar* (1962), *Tiga Lelaki* (1994) dan *Penghulu yang Hilang Segala-galanya* (1996); sementara kumpulan cerpennya adalah *Perempuan Kerudung Hitam* (1989). Cerpen “Kucing-kucingan” ini dikekalkan ejaan dan langgam bahasa asal penulisnya.